

SPESIFIKASI STANDARD CIKU

1. SKOP

Spesifikasi standard ini adalah untuk Ciku atau nama botaninya *Manilkara achras* (Mill.) dari keluarga Sapotaceae yang dipasarkan untuk kegunaan segar. Spesifikasi ini hanya meliputi varieti Ciku Subang sahaja.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi ini, terma-terma yang digunakan akan bermaksud

- 2.1. **Kematangan** - Terdiri dari empat (4) indeks seperti berikut:
 - 2.1.1. **Indeks 1:** Permukaan kulit berwarna hijau. Mengeluarkan cairan getah apabila digores. Duri halus pada hujung buah sukar gugur apabila disentuh. Tekstur padat apabila dipicit. Isi buah berwarna putih keperangan dan biji berwarna perang. Rasanya kelat. Belum matang.
 - 2.1.2. **Indeks 2:** Permukaan kulit berwarna hijau kekuningan. Mengeluarkan cairan getah agak pekat apabila digores. Duri halus pada hujung buah mudah gugur apabila disentuh. Tekstur padat apabila dipicit. Isi buah berwarna perang dan biji berwarna perang kehitaman. Rasanya kelat. Matang.
 - 2.1.3. **Indeks 3:** Keseluruhan permukaan kulit berwarna perang. Tekstur agak lembut apabila dipicit. Isi buah berwarna coklat muda dan biji berwarna hitam. Rasanya manis. Masak.
 - 2.1.4. **Indeks 4:** Permukaan kulit berwarna coklat gelap. Tekstur lembut apabila dipicit. Isi buah berwarna coklat dan biji berwarna hitam. Rasanya muai dan berjus. Terlalu Masak.
- 2.2. **Kematangan seragam** - Konsainan dianggap seragam apabila mempunyai satu indeks dalam satu pembungkusan.
- 2.3. **Segar** - Mempunyai kulit yang tidak berkedut atau kecut.
- 2.4. **Bersih** - Bebas daripada kesan kotoran dan benda asing.

- 2.5. **Kecacatan** - Mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan persembahan seperti kotor, cacat bentuk dan cacat rupa.
 - 2.5.1. **Kotor** - Terdapat kesan-kesan yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, kulapuk dan lain-lain bahan asing.
 - 2.5.2. **Cacat bentuk** - Berbentuk tidak normal bagi varieti berkenaan seperti berbonggol atau tidak sempurna bulatnya.
 - 2.5.3. **Cacat rupa** - Mempunyai tanda-tanda yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik, karat, kesan parut yang tidak boleh dibersihkan tetapi tidak menjelaskan isi buah. Kesan ini meliputi lebih 10% permukaan kulit buah.
- 2.6. **Rosak** - Sebarang kecederaan atau kecacatan disebabkan oleh kesan mekanikal, perosak dan penyakit yang menjelaskan rupa keseluruhan, kualiti dan tempoh simpan.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1. Telah mencapai tahap kematangan dan saiz seperti yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.2. Agak bebas daripada rosak dan kecacatan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.3. Hendaklah dibersihkan daripada debu-debu kasar yang terdapat di permukaan kulit.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1. Ciku Subang dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:

GRED	SPESIFIKASI	KELONGGARAN (Maksimum)	(%)
Premium	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 3 ≤ 3 ≤ 3 ≤ 3 ≤ 5
1	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5 ≤ 5
2	Ia hendaklah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga hendaklah agak bebas daripada kecacatan atau kerosakan.	Kematangan Segar Rosak Kecacatan Keseragaman saiz	≤ 10 ≤ 10 ≤ 5 ≤ 10 ≤ 10

- 4.2. Bagi Ciku Subang, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti mana jadual berikut:

SAIZ	KOD		BERAT (g)
Lebih Besar	XL	A	>120
Besar	L	B	91 – 120
Sedang	M	C	61 – 90
Kecil	S	D	40 – 60

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1. Pembungkusan

- 5.1.1. Ciku Subang daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2. Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3. Bahan yang digunakan untuk membungkus hendaklah bebas daripada bahan kimia.
- 5.1.4. Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2. Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1. Tarikh:
- 5.2.2. Nama/Kod Penanam
- 5.2.3. Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4. No. Kad Pengenalan
- 5.2.5. No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6. Alamat
- 5.2.7. Komoditi
- 5.2.8. Berat bersih
- 5.2.9. Gred
- 5.2.10. Saiz

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 78 “*Method of Sampling For Fresh Fruits*”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.